

Lembaran Fakta Bon Simpanan Singapura (SSB)

Ciri Utama

Selamat

Disokong sepenuhnya oleh Pemerintah Singapura. Selain itu, anda boleh mendapatkan kembali pelaburan anda sepenuhnya tanpa kerugian modal.

Pelaburan jangka masa panjang

Melabur sehingga 10 tahun dan nikmati faedah yang meningkat atau bertambah mengikut tempoh pelaburan. Apabila anda menyimpan lebih lama, pulangan anda juga lebih tinggi.

Penebusan fleksibel

Dapatkan kembali wang anda dalam tempoh sebulan, tanpa penalti. Anda tidak perlu menetapkan tempoh pelaburan anda pada permulaan.

Bagaimana anda boleh mengambil manfaat?

Menyimpan untuk persaraan

Cara fleksibel dan selamat untuk mengekalkan nilai wang simpanan anda.

Menyimpan wang untuk waktu "kecemasan"

Peroleh peningkatan faedah pada simpanan anda dan dapatkan akses pantas kepada wang tunai apabila anda memerlukannya.

Mempelbagaikan pelaburan anda

Pelbagaikan risiko dalam portfolio anda dengan memperuntukkan sebahagiannya untuk Bon Simpanan.

Mengapakah Pemerintah memperkenalkan Bon Simpanan?

- Bagi menyediakan simpanan jangka panjang yang selamat dan fleksibel untuk individu.

Maklumat Produk


Perkara	Butiran
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> • Individu yang berusia 18 tahun ke atas
Penerbit	<ul style="list-style-type: none"> • Pemerintah Singapura
Jangka masa	<ul style="list-style-type: none"> • 10 tahun
Faedah	<ul style="list-style-type: none"> • Dibayar setiap 6 bulan • Kadar faedah ditetapkan berdasarkan purata hasil Sekuriti Pemerintah Singapura (SGS) pada bulan sebelumnya, dan tidak akan berubah bagi setiap terbitan Bon Simpanan.
Terbitan	<ul style="list-style-type: none"> • Bulanan
Penebusan	<ul style="list-style-type: none"> • Bulanan, tanpa penalti • Prinsipal dan sebarang faedah terkumpul akan dibayar • Dalam gandaan \$500
Jumlah pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> • Minimum sebanyak \$500, dan dalam gandaan sebanyak \$500 selanjutnya • Bermula dari 1 Feb 2019, Had Individu dinaikkan ke \$200,000
Tidak boleh dipindah milik	<ul style="list-style-type: none"> • Pelabur tidak boleh memindahkan pemilikan bon mereka kepada orang lain
Cukai	<ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan faedah dikecualikan daripada cukai

Berapakah pulangan yang boleh saya terima?

- Jika anda memegang Bon Simpanan anda untuk 10 tahun penuh, pulangan purata setiap tahun akan sama dengan pulangan SGS 10 tahun, pada masa pelaburan anda. Sepanjang 10 tahun yang lalu, kadar hasil SGS 10 tahun secara umumnya adalah antara 2% hingga 3%.
- Jika anda memutuskan untuk menebus Bon Simpanan anda lebih awal, anda akan menerima pulangan yang lebih rendah. Secara umumnya, seorang pelabur yang memegang Bon Simpanan untuk jumlah tahun tertentu akan menerima pulangan purata yang sama dengan SGS yang mempunyai tempoh sama.

Peningkatan faedah: Cara ia berfungsi

Katakanlah anda membeli Bon Simpanan sebanyak \$1,000 pada bulan Julai 2015, yang memberikan faedah berdasarkan kadar SGS pada bulan Jun 2015. (Angka di bawah adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.)



- Pada tahun pertama, anda akan menerima faedah sebanyak \$9 bagi pulangan sebanyak 0.9% dalam tempoh 1 tahun pelaburan anda. Pada tahun kedua, anda akan menerima faedah sebanyak \$15. Secara purata, sepanjang 2 tahun, anda akan memperoleh pulangan sekitar 1.2% setiap tahun.
- Faedah meningkat sepanjang tempoh pelaburan. Pada tahun kesepuluh, anda akan menerima faedah sebanyak \$33. Berdasarkan faedah yang anda terima daripada tahun pertama hingga kesepuluh, kadar pulangan berkesan/efektif anda ialah 2.4% setiap tahun.

Memohon dan menebus Bon Simpanan secara Tunai

Sebelum anda memohon	Mohon dan tebus melalui ATM dan Perbankan Internet	Proses seterusnya
Sila sediakan <ul style="list-style-type: none"> ✓ Akaun bank dengan salah sebuah bank yang mengambil bahagian (pada masa ini, DBS/POSB, OCBC atau UOB) ✓ Akaun Sekuriti CDP (<i>Central Depository</i>) individu dengan Perkhidmatan Kredit Langsung (DCS) diaktifkan 	Mohon melalui ATM atau Perbankan Internet DBS/POSB, OCBC atau UOB, atau aplikasi mudah alih OCBC. Sila sediakan nombor akaun CDP anda ketika membuat permohonan. Anda tidak boleh memohon atau menebus Bon Simpanan di kaunter bank secara bersemuka. Wang akan ditolak daripada akaun bank bagi kad ATM anda pada masa permohonan Yuran transaksi sebanyak \$2 akan dikenakan oleh bank untuk setiap	Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan oleh CDP melalui surat. Faedah akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun bank yang dikaitkan dengan akaun Sekuriti CDP anda. Untuk penebusan, CDP akan memberitahu anda melalui surat setelah permintaan penebusan anda diproses. Hasil pulangan akan dikreditkan

	permintaan permohonan dan penebusan dan yuran ini tidak akan dikembalikan.	ke dalam akaun bank yang dikaitkan dengan akaun CDP anda sebelum atau pada hari perniagaan ke-2 dalam bulan berikutnya.
--	--	---

Permulaan – membuka akaun Sekuriti CDP dan Perkhidmatan Kredit Langsung (DCS)

- Jika anda membuat permohonan bagi Bon Simpanan secara tunai, anda memerlukan akaun Sekuriti CDP individu dengan DCS yang diaktifkan.
- Anda boleh membuka akaun CDP dengan memuat turun dan mengisi borang permohonan serta menghantarkan borang yang telah dipenuhkan kepada CDP. Layari <http://www.sgx.com/cdp/faq> untuk maklumat lanjut. Anda juga boleh mengunjungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan CDP (9 North Buona Vista Drive, #01-19/20 The Metropolis, Singapura 138588) atau mana-mana broker Sekuriti SGX.

Jika anda memiliki akaun CDP, anda boleh memohon untuk DCS melalui perkhidmatan internet CDP atau dengan memuat turun dan mengisi borang permohonan serta menghantar borang yang telah dipenuhkan kepada CDP. Anda juga boleh memilih untuk mengunjungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan CDP dengan membawa Kad Pengenalan atau pasport anda.

[Baharu! Dibuka untuk permohonan dengan menggunakan dana SRS dari 1 Feb 2019]
Memohon dan menebus Bon Simpanan dengan menggunakan dana Skim Persaraan Tambahan (SRS)

Sebelum anda memohon	Mohon dan tebus melalui Perbankan Internet	Proses seterusnya
<p>Sila sediakan</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Akaun SRS dengan salah sebuah Operator SRS (pada masa ini, DBS/POSB, OCBC atau UOB) ✓ Dana yang mencukupi dalam akaun SRS anda. Ini termasuk jumlah yang anda mohon dan yuran transaksi sebanyak S\$2. 	<p>Mohon melalui portal Perbankan Internet Operator SRS anda (seperti DBS/POSB, OCBC atau UOB). Anda tidak boleh memohon atau menebus Bon Simpanan di kaunter bank secara bersemuka.</p> <p>Pada masa permohonan, bank akan mengunci, atau menguntukkan, dana SRS yang akan digunakan untuk pembelian Bon Simpanan anda.</p> <p>Yuran transaksi sebanyak \$2 akan dikenakan oleh bank untuk setiap permintaan permohonan dan penebusan dan yuran ini tidak akan dikembalikan</p>	<p>Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan oleh bank melalui surat. Faedah akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun SRS anda setiap 6 bulan.</p> <p>Untuk penebusan, bank akan memberitahu anda melalui surat setelah permintaan penebusan anda diproses. Hasil pulangan akan dikreditkan ke dalam akaun SRS anda sebelum atau pada hari perniagaan ke-2 dalam bulan berikutnya.</p>

Dana CPF tidak layak untuk permohonan Bon Simpanan pada masa ini.